Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia
NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA
PERPUSTAKAAN UKM

GERBANG VARSITI KITA

Bil. 22/2025

Korpus Sejarah UKM

COKMAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Cokmar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah kurniaan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu sebagai lambang kuasa Universiti. Cokmar ini digunakan dalam upacara rasmi universiti seperti Majlis Konvokesyen dan Majlis Perisytiharan Canselor dan Pro-Canselor.

Cokmar UKM dilhamkan oleh Syed Arabi, Pegawai Tadbir di Jabatan Pendaftar. Beliau diberikan tanggungjawab untuk membuat tempahannya pada penghujung tahun 1972. Lakaran awal cokmar telah diperkemaskan lagi reka bentuknya dan disiapkan oleh Persatuan Seni Lukis dan Kraftangan Melayu Kelantan dalam tempoh enam bulan.

Ia diperbuat daripada perak dan mempunyai berat kira-kira 32 paun (sekitar 14.5 kilogram). Kos pembuatannya dianggarkan sekitar RM6,000 pada masa itu. Cokmar ini dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada UKM dalam satu istiadat di Istana Negara pada 16 Jun 1973.

Ia digunakan mulai Konvokesyen Pertama UKM pada 23 Jun 1975. Upacara penyampaian rasmi dengan Menteri Pelajaran Datuk Hussein Onn menyerahkan cokmar kepada Naib Canselor, Pro. Datuk Dr. Arifin Ngah Marzuki.

Kelihatan Encik Omar Jaafar, selaku Bentara menyerahkan Cokmar kepada Datuk Ariffin Ngah Marzuki, Naib Canselor Kedua sewaktu Majlis Konvokesyen UKM pertama yang diadakan pada 23 Jun 1973 di Dewan Bankuasi, Parlimen Kuala Lumpur.

Encik Omar Jaafar merupakan Penolong Pendaftar, Unit Pembangunan dan Bentara pertama yang telah dilantik oleh pengurusan UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia
NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA
PERPUSTAKAAN UKM

GERBANG VARSITI KITA

Bil. 22/2025

Korpus Sejarah UKM

BATIL

Bentuk bulat yang terdapat di bawah obor adalah sebiji batil yang melambangkan dunia. Ini menunjukkan UKM adalah sebahagian daripada masyarakat ilmiah antarabangsa yang sedia menerima apa jua ilmu pengetahuan daripada sebarang sumber dan seterusnya menyumbangkan ilmu pengetahuan itu kepada masyarakat dalam dan luar negara. Di sebelah atas batil terdapat lambang negeri, sementara pada permukaan batil pula terdapat lambang UKM dan negara Malaysia.

OBOR

Obor terletak di atas ukiran yang berupa masjid / bangunan yang melambangkan ilmu pengetahuan dan keteguhan iman. Obor sebagai simbol pendidikan, melambangkan peranan Universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berupaya menyumbang ilmu pengetahuan dan kepakaran untuk kemajuan dan pembangunan masyarakat.

DAUN LONTAR

Di antara bunga raya dan batil digambarkan sepelepah daun lontar yang melambangkan kesusasteraan.

Di sepanjang batang cokmar terdapat motif yang melambangkan falsafah Universiti dan fakulti di dalamnya. Ini menunjukkan Universiti ingin melahirkan siswazah serba boleh, pragmatik dan kreatif, di samping menyumbangkan idea untuk kemajuan dan pembangunan masyarakat. Di tengah batang cokmar diukir motif buah padi, melambangkan kemakmuran negara dan beras sebagai makanan utama.

BATANG COKMAR

BUNGA RAYA DAN LIMA BILAH KERIS

Bentuk batil yang melambangkan dunia itu terletak atas sekuntum bunga raya yang disokong oleh lima bilah keris. Bunga raya ialah bunga kebangsaan sementara keris menunjukkan tradisi kebudayaan negara. Lima bilah keris menunjukkan lima prinsip Rukun Negara.

GASING

Bahagian bawah cokmar diukirkan dalam bentuk sebuah gasing yang mempunyai paksi. Pecahan lima melambangkan lima faktor ekonomi iaitu perindustrian, perlombongan, pengangkutan, pertanian dan perikanan. Di atas gasing itu terukir gambar yang menunjukkan hasil-nahsul negara.

Sumber:

- *Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-41, 26-29 Oktober 2013*
- *Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia dan Peristiharan Pelantikan Pro-Canselor ke 51, 25-30 November 2023*
- *Laman web UKM: https://www.ukm.my/portalukm/ms/misi-visi/*